



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/1/2012

MUKA 30 • UTUSAN MALAYSIA

Sukan

Kejayaan atlet paralimpik perlu jadi inspirasi semua

PUTRAJAYA - Kejayaan atlet paralimpik pasukan tenis berkerusi roda meraih masing-masing satu pingat emas dan perak serta tiga gangsa di Sukan Para ASEAN 2011 di Solo Indonesia perlu dijadikan inspirasi kepada semua pihak.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kesungguhan mereka untuk berjaya itu sebenarnya perlu dijadikan inspirasi bukan sahaja kepada golongan orang kurang upaya malah golongan berupaya.

"Bila ada kemahuan dan keinginan untuk berjaya pasti akan ada cara untuk majukan diri kita dalam apa saja bidang termasuklah bidang sukan.

"Saya yakin bahawa pada masa

akan datang dengan latihan ketekunan dan semangat yang ditunjukkan mereka akan dapat mencapai kejayaan yang lebih lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian insentif kepada pemenang pingat Sukan SEA Para VI di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Hadir sama, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali yang juga merupakan Penaung Persatuan Tenis Kerusi Roda Malaysia.

Kejayaan pasukan tenis berkerusi roda itu telah menyumbang kepada keseluruhan 51 pingat emas, 35 perak dan 42 gangsa untuk kontinjen paralimpik negara.



DR. Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada seorang atlet paralimpik pada penyampaian insentif kepada pemenang pingat Sukan SEA Para VI di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali.